



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERKASA SEKTOR AGROMAKANAN, MINDA, HM -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2. 3. 4.	4 BOT NELAYAN VIETNAM TAK SEMPAT KAUT HASIL, LOKAL, HM 20 24 NELAYAN ASING DICEKUP, TIDAK SEMPAT KAUT HASIL LAUT, NEGARA, KOSMO -9 FIVE INDONESIAN ILLEGAL WORKERS, VIETNAMESE FISHERMEN DETAINED, HOME, BORNEO POST (KK) -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	SUKAN MEMANCING WAJAR DIJADIKAN PENDAPATAN TAMBAHAN NELAYAN - BAKRI, FIKRAH, HARAKAH -F7 BOMBA NENASI MAMPU HASIL 100KG LADA BARA, LOKAL, HM -24 MANFAAT KAWASAN BALAI, BOMBA NENASI TUAI LEBIH 100KG LADA BARA, NEGERI PAHANG, SH -26 'ABANG BOMBA' TERUJA TUAI HASIL LADA BARA, DALAM NEGERI, UM -30 JENGGO 'SERANG' SEGAMAT, REZEKI SELEPAS MONSUN, DALAM NEGERI, UM -30 ISU AYAM, TELUR: KERAJAAN PERLU ADA KAWAL INDUSTRI SECARA HOTEL, DALAM NEGERI, UM -9 RM35.5MIL TO HELP STATE BECOME NATION'S FOOD BASKET, NEWS, THE STAR -4 PRICES OF VEGETABLES IN SABU STILL STABLE DESPITE RAINY SPELL, NEWS, THE STAR -2 THE BROKEN EGG STORY, NST LEADER, NST -2	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MENANGANI INFLASI & KOS SARA HIDUP

Perkasa sektor agromakanan



K

Pemeriksaan sektor pertanian terutamanya sektor agromakanan penting bagi mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara

adar inflasi di peringkat global yang meningkat sedikit sebanyak memberikan kesan kepada Malaysia yang kini berdepan kenaikan inflasi. Fenomena ini yang turut dialami oleh kebanyakan negara adalah antara impak pasca pandemik Covid-19 apabila berlakunya permintaan mendadak setelah ekonomi dibuka semula.

Selain itu, kemelut politik Rusia dan Ukraine serta sekatan pergerakan dan penutupan sempadan China turut memburukkan lagi situasi. Isu inflasi dan rancangan rantaian bekalan dunia mendatangkan cabaran yang hebat kepada tadbir urus negara di dalam menyelesaikan isu kewangan dan memelihara kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Keupayaan sektor agromakanan bagi membekalkan makanan dan kemampuan rakyat untuk membeli makanan adalah isu paling penting bagi mengurangkan kos sara hidup yang tinggi. Walaupun pelbagai strategi telah dijalankan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian dan agromakanan bagi memastikan kecukupan bekalan, sumbangan subsektor agromakanan kepada sektor pertanian sejumlah 53.3 peratus pada 2020, masih rendah di bawah sasaran 60 peratus.

Selain itu, sektor pertanian masih bergantung kepada minyak sawit. Biarpun telah banyak idea dan program dicadangkan, kerajaan harus memberikan penekanan khusus terhadap komitmen berkaitan sektor pertanian. Sasaran lebih utama ialah mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara kerana ia berkait rapat dengan masalah kos sara hidup rakyat.

Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 7 Oktober 2022 menyaksikan komitmen kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi pasca pandemik Covid-19 dengan mengutamakan kebajikan dan kepentingan rakyat. Melalui bajet ini, kerajaan meletakkan perhatian yang serius kepada pemeraksanaan sektor pertanian bagi membasmi kemiskinan, melindungi petani dan nelayan, meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan menangani isu sekuriti makanan di Malaysia. Bantuan kepada pesawah padi telah diperkenalkan semula dengan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga

bulan atau semusim kepada 240,000 pesawah dengan peruntukan RM228 juta. Pekebun kecil getah juga tidak terkecuali dengan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) dinaikkan kepada RM800 berbanding RM600 sebelum ini.

Bagi membesarkan pendapatan mereka, Insentif Pengeluaran Lateks diperkenalkan bersama program Target (Projek Transformasi Perusahaan Getah) untuk menambah baik rantaian bekalan bahan mentah melalui koperasi. Insentif ini berobjektif untuk meningkatkan pengeluaran lateks negara sebanyak 30 peratus kepada 40,000 tan setahun bagi membantu memenuhi permintaan sektor hiliran getah selain bagi mencapai sasaran pendapatan bulanan pekebun kecil kepada RM4,500 pada 2025.

Skim Perlindungan Pertanian yang melibatkan skim insurans dan takaful yang memberi perlindungan kepada penggiat industri pertanian dan agromakanan akan diperkenalkan secara berperingkat bermula dengan pesawah padi untuk melindungi pengusaha pertanian daripada sebarang risiko luar kawalan seperti cuaca, penyakit dan makhluk perosak.

Di samping itu, terdapat peningkatan terhadap pemberian pelbagai subsidi dan insentif merangkumi subsidi harga padi, baja padi, benih padi sah, baja padi huma, insentif pengeluaran padi dan insentif tangkapan hasil nelayan berbanding dengan tahun

sebelum ini.

Bagi sektor pertanian dan agromakanan hiliran pula, skim pembiayaan atau pinjaman yang ditawarkan melalui Skim Pembiayaan Agrofood BNM akan diperuntukkan dana RM1 bilion bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan jumlah pengeluaran agromakanan.

Belanjawan 2023 menunjukkan refleksi terhadap program yang direncanakan di bawah RMK12. Bagi meningkatkan penghasilan makanan, tanah terbiar milik Felra, Felcra dan Risda serta agensi bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (Mafi) akan dimanfaatkan untuk tanaman makanan bagi penggunaan tanah optimum. Selain itu, peruntukan RM36 juta akan diperuntukkan kepada Mafi untuk pelbagai inisiatif berkaitan pembangunan kelestarian agromakanan. Biarpun program mempergiatkan sektor pertanian dan agromakanan perlu melibatkan penggunaan tanah dan lain-lain, cabaran makro seperti perubahan iklim, peningkatan penduduk dan kehilangan biodiversiti memerlukan perhatian signifikan.

Pemberian insentif kewangan oleh kerajaan Persekutuan iaitu Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) untuk pemuliharaan biodiversiti dapat membantu kerajaan negeri mengambil tindakan yang lebih proaktif dalam memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi dan kawasan perlindungan. Selain

itu, penggunaan teknologi pintar dalam sektor pertanian negara dapat meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara tanpa keperluan untuk mengeksploitasi tanah.

Peralihan petani ke arah amalan pertanian organik untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap produk organik dapat meningkatkan penjeanaan pendapatan lebih tinggi. Langkah yang akan diambil ini dapat membangunkan rangka kerja pertanian pintar yang komprehensif, mempercepat penerimaan teknologi moden, memperkasa komuniti setempat selain pembangunan projek pertanian mesra alam.

Pemeriksaan sektor pertanian terutamanya sektor agromakanan penting bagi mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara dan kos sara hidup rakyat, memastikan negara kekal berdaya saing dan mengaplikasikan teknologi terkini bagi membantu aktiviti pertanian. Namun, penting bagi sektor pertanian menekankan aspek kelestarian dan memberi manfaat yang seimbang kepada semua termasuk kepada ekosistem dan biodiversiti.

Kajian disediakan oleh Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

dialog kotaraya oleh juragan



16/1/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

20



SYED NOR ADLI (kiri) bersama anggotanya memeriksa bot nelayan Vietnam dan kru yang ditahan dalam gerakan di Tok Bali. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

4 bot nelayan Vietnam tak sempat kaut hasil

Pasir Putehi: Empat bot nelayan asing tidak sempat mengaut hasil perairan negara apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Kelantan, Khamis lalu. Mereka dipercayai melarikan perjalanan selama tiga jam dari Vietnam ke perairan negara sebelum ditangkap APMM dengan rampasan bernilai RM1.66 juta.

Pengarah Maritim negeri Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, bot laut dalam untuk menangkap sotong itu ditahan pada kedudukan 90 hingga 106 batu nautika dari muara Tok Bali, dekat sini. Katanya, tangkapan dibuat Kapal Maritim (KM) Ju-

jur yang sedang melakukan rondaan di sempadan Perairan Malaysia-Vietnam dalam Op Naga Barat, Op Kuda Laut dan Op Damai.

"Tangkapan membabitkan rampasan peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta 1,200 liter bekalan diesel.

"Tiada hasil tangkapan ditemui kerana berdasarkan rangsum (pek bekal makanan) dan alatan menangkap ikan yang belum digunakan, kita percaya mereka baru sahaja berlabuh di lokasi," katanya da-

lam sidang media di ibu pejabat APMM negeri di Tok Bali, di sini, semalam.

Syed Nor Adli berkata, seramai 24 orang termasuk tekong dan kru berusia antara 14 hingga 64 tahun ditahan.

Katanya, bot pertama ditahan pada jam 6.52 petang manakala bot kedua, ketiga dan keempat ditahan sekitar jam 9.52 malam hingga 10.24 malam, hari yang sama.

Beliau berkata, APMM mengambil masa 22 jam menunda semua bot kerana salah satu bot tahanan mengalami kerosakan.

Menurutnya, kes akan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) kerana gagal memamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di Perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Empat tekong juga disyaki melanggar Seksyen 16(3) Akta Perikanan 1985 kerana gagal memaklumkan pegawai berkuasa melalui radio atau faksimili mengenai nama negara, bendera, lokasi laluan dan destinasi vesel dalam Gaal memasuki perairan Perikanan Malaysia.

"Semua kru disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan sebarang pengenalan diri yang sah," katanya.

Pihak kami percaya mereka baru sahaja berlabuh di lokasi

Syed Nor Adli

24 nelayan asing dicekup, tidak sempat kaut hasil laut

PASIR PUTEH – Agensi Penyelesaian Maritim Malaysia (APMM) menahan empat buah bot pukat tunda dan 24 nelayan warga Vietnam di kawasan perairan Tok Bali di sini Khamis lalu.

Mereka yang berusia 14 hingga 64 tahun itu ditahan selepas dipercayai terlibat menangkap ikan di perairan negara semasa anggota APMM menjalankan Op Naga Barat, Op Kuda Laut dan Op Damai di perairan Malaysia-Vietnam.

Pengarah APMM Kelantan, Syed Nor Adli Syed Ab. Rahman berkata, pihaknya melihat sebuah bot dalam keadaan mencurigakan pada pukul 6.52 petang sebelum mengesan tiga buah lain kira-kira tiga jam kemudian.

Menurutnya, empat buah bot itu enggan memberi kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan ketika diarahkan berhenti untuk tujuan pemeriksaan.

"Tindakan secara *'force board'* terpaksa dilakukan semasa mengejar bot-bot itu sebelum kesemua tekong mengalah.

"Berdasarkan siasatan awal, empat bot itu terlibat dalam kegiatan menangkap ikan dan sotong," katanya pada sidang akhbar di Pejabat APMM Kelantan di Tok Bali di sini semalam.

Syed Adli memberitahu, pemeriksaan mendapati, bot-bot itu tidak sempat menangkap ha-



NELAYAN warga Vietnam yang ditahan dibawa ke Pejabat APMM Kelantan di Tok Bali, Pasir Puteh untuk tindakan lanjut.

sil laut memandangkan bekalan ais di dalam tangki masih belum terusik selain tiada hasil tangkapan ditemui.

Pihak berkuasa merampas empat bot itu, peralatan menangkap hasil laut, peralatan navigasi dan komunikasi serta diesel dengan nilai keseluruhan RM1.66 juta.

Proses membawa pulang

bot ke jeti operasi APMM Tok Bali mengambil masa lebih 22 jam apabila salah sebuah bot mengalami kerosakan enjin. Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) (a) Akta Perikanan 1985.

Empat tekong pula ditahan kerana melanggar Seksyen 16(3) akta sama, manakala 20 nelayan disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963.

Headline	Five Indonesian illegal workers, Vietnamese fishermen detained		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	16 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	278 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,550
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,650



Five Indonesian illegal workers, Vietnamese fishermen detained

SHAH ALAM: The Selangor Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) detained five Indonesian men without valid permits working onboard a Class C fishing boat in the waters of Sungai Besar, near here, at 12.50 pm on Saturday.

Its director, Capt V. Siva Kumar said all the foreign nationals were detained during Op Ehsan after the Selangor MMEA patrol boat conducted an inspection on the fishing boat at 5.2 nautical miles off the coast.

Siva Kumar said the inspection found that the boat was helmed by a skipper and four crewmen who were all foreign nationals, aged between 31 and 54.

He said the inspection also found that all of them did not possess valid identification documents and that the boat owner had employed the Indonesian nationals without

the permission of the director-general (DG) of the Malaysian Fisheries Department, adding that 200 kilogrammes of various fish, as well as fishing equipment, were also found on the boat.

"All the foreign nationals had been working for the boat owner for between four months and two years, and were paid in cash according to the days out at sea, that is RM100 for the skipper and RM50 for a crewman.

"All of them (foreign nationals) were acquaintances from the same area in Indonesia and did not have family ties," he also said in a statement yesterday.

Siva Kumar added that all the foreign nationals and the boat were taken to the Pulau Indah Marine Police jetty before being handed over to the MMEA investigation officer for further action.

The MMEA also arrested 24

Vietnamese fishermen in four boats for conducting illegal fishing activities in Malaysian waters last Thursday.

Kelantan MMEA director Maritime Captain Syed Nor Adli Syed Ab Rahman said they were detained between 90 and 106 nautical miles from the Tok Bali estuary.

"They refused to cooperate and attempted to sail away when ordered to stop, but the MMEA patrol boats managed to intercept and perform force boarding which resulted in the foreign fishermen surrendering," he told a press conference at the Tok Bali MMEA office in Pasir Putih yesterday.

He said the four boats, including fishing equipment and 1,200 liters of diesel oil supply, with a total value estimated at RM1.66 million, were also seized.

— Bernama



The Vietnamese fishermen detained by MMEA.

16/1/2023

HARAKAH

FIKRAH

F7

Sukan memancing wajar dijadikan pendapatan tambahan nelayan - Bakri

Oleh **IBNU JANIE**
Foto **SHAMSHAHIR**
SHAMSUDIN

TANGGA BATU: Aktiviti rekreasi dan sukan memancing wajar diberi perhatian bagi menjadikannya sumber pendapatan tambahan kepada para nelayan, kata Ahli Parlimen Tangga Batu, Bakri Jamaluddin.

Tambah beliau, ini dapat meningkatkan sosio-ekonomi nelayan sepanjang pantai Negeri Melaka yang akhir-akhir ini teruk terjejas akibat aktiviti penambakan pasir.

"Semasa saya berkempen dalam Pilihan Raya Umum ke 15 yang lalu, saya pernah berbicara soal 'sukan

memancing' atau 'rekreasi memancing' kepada beberapa orang nelayan.

"Sukan memancing' atau 'rekreasi memancing' untuk tambah pendapatan nelayan boleh menaikkan sosio ekonomi penduduk tempatan sepanjang pantai," ujarnya.

Beliau menyatakan perkara ini di dalam satu hantaran di laman Facebook beliau selepas beliau mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Salehon di Pejabat Perikanan Negeri di Batu Berendam, pada Selasa.

Tambah beliau, nelayan yang berada di sepanjang Pantai Kelebang, Balik Bukit, Pantai Puteri dan Pantai



Bakri Jamaludin bersama Pengarah Perikanan Melaka dalam sesi dialog.

Kundur dalam Parlimen Tangga Batu adalah nelayan pesisir pantai, namun hasil tangkapan dan pendapatan mereka berkurangan dan terjejas akhir-akhir ini akibat daripada aktiviti penambakan pasir.

Kata Bakri lagi, Pengarah Perikanan Melaka turut memberitahunya bahawa ikan-ikan yang berkualiti seperti ikan jenahak, ikan merah dan lain-lain spesies yang seumpamanya masih berada dalam populasi yang terpelihara.

"Kebanyakan spesies ini berada pada jarak 8-12 batu

bakal menjadi daya tarikan baharu buat pelancong khususnya kaki pancing.

"Sudah tentu kumpulan kami akan datang bersama rakan taulan dan keluarga untuk bercuti serta beriadah. Bukan sekadar memerlukan sewaan bot untuk memancing, sudah pasti mereka juga memerlukan penginapan dan makan minum.

"Kita berharap agar impian ini terlaksana demi melihat agar taraf sosio ekonomi penduduk pinggir pantai dapat dipertingkatkan," katanya.

nautika dari pantai. Oleh itu, aktiviti 'sukan memancing' atau 'rekreasi memancing' ada potensi untuk dilaksanakan dan ianya sedang dalam kajian oleh Jabatan Perikanan Negeri Melaka.

"Insya-Allah kalau program terlaksana ia bukan sahaja dapat menambahkan pendapatan nelayan tetapi ia juga dapat menaikkan taraf sosio ekonomi bagi penduduk dan peniaga tradisional yang berada dan tinggal di sepanjang pantai dalam Parlimen Tangga Batu, ujarnya lagi.

Jelas Bakri, ianya nanti



Bergambar di hadapan Pejabat Perikanan Melaka.

16/1/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

24

Bomba Nenasi mampu hasil 100kg lada bara

Pekan: Usaha anggota bomba di Balai Bomba dan Penyelamat Nenasi di sini, melaksanakan tanaman fertigasi membunahkan hasil apabila berjaya menuai lebih 100 kilogram (kg) lada bara, sejak sebulan lalu.

Ketua Balai terbabit, Mohd Noor Hisyam Kadri berkata, projek terbabit adalah inisiatif mereka dengan kerjasama Yayasan Pahang (YP) sebagai penyahut saranan jabatan untuk mewujudkan balai dalam tanam.

"Projek ini sudah bermula

pada 2019 tetapi tergendala disebabkan faktor dtalaman sebelum diteruskan semula pada September tahun lalu.

"Bagi fasa pertama, kami menanam 1,000 pokok lada bara di tapak seluas kira-kira siku ekar (0,025 hektar) di dalam balai ini.

"Selepas tiga bulan, kami dapat menuai hasil pertama awal Disember tahun lalu

dan setakat ini sudah menuai hasil sebanyak tiga kali iaitu lebih 100 kg," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Katanya, semua keperluan projek fertigasi ini diuruskan oleh pihak perunding YP termasuk membri-

kan latihan kepada anggota manakala hasilnya juga dijual kepada pihak terbabit.

"Kami sudah sepakat 80 peratus hasil jualan lada bara ini akan diagihkan kepada anggota manakala baki akan disimpan untuk kegunaan balai.

"Pokok lada dibahagikan kepada tiga pasukan di balai ini dan mereka perlu menjaga dan menguruskan bahagian masing-masing.

"Setiap hari mereka akan meluangkan masa dua kali sehari menguruskan tanaman berkenaan, jadi itu tidak mengganggu tugas hakiki mereka," katanya.



ANGGOTA bomba menunjukkan hasil tuaian lada bara yang diusahakan secara fertigasi di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nenasi, Pekan. - Gambar NSTP/KHAIRULMIZAN YAHYA

Manfaat kawasan balai, bomba Nenasi tuai lebih 100kg lada bara

PEKAN - Tidak hanya pakar dalam menjalankan kerja-kerja menyelamat mangsa di lokasi bencana, sebaliknya anggota bomba Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nenasi turut mahir bercucuk tanam apabila melaksanakan tanaman fertigasi lada bara pada September tahun lalu.

Usaha yang dilakukan 33 anggota BBP Nenasi itu membuah hasil apabila berjaya menuai lebih 100 kilogram (kg) lada bara sejak sebulan lalu.

Ketua BBP Nenasi, Mohd Noor Hisyam

Kadri berkata, sebanyak 1,000 pokok lada bara di tanam di tapak seluas 0.025 hektar di dalam balai terbabit untuk fasa pertama.

"Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Pahang (YP) sebagai syarikat peneraju dalam sektor pertanian. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat melalui aktiviti pertanian." Mohd Noor Hisyam berkata, pihaknya telah melaksanakan projek ini sejak tahun lalu dan sudah menuai hasil sebanyak tiga kali.

"Tiga kali pusingan tuai hasil kami perolehi lebih 100kg dan dijangka lada bara ini boleh dituai sehingga Mei depan," ujarnya.

Bercerita lanjut, Mohd Noor Hisyam berkata, projek terhasil daripada perbincangan bekas ketua balai yang terdahulu dengan beberapa penyelia pasukan di sini.

Katanya, mereka bercadang untuk memanfaatkan kawasan perkarangan balai ini yang dahulunya kosong.

"Pemilihan tanaman lada memang tidak perlu banyak penjiagaan yang rapi, cuma kena beri perhatian kepada siraman dan baja mengikut jadual yang telah ditetapkan."

Anggota BBP Nenasi menuai hasil apabila lada bara yang ditanam di sekitar balai itu pada September tahun lalu.



MOHD NOOR HISYAM

pada 2019, namun tergendala disebabkan faktor dalam sebelum diteruskan semula pada September tahun lalu," katanya ketika ditemui di BBP Nenasi pada Ahad.

Beliau berkata, hasil pertama dituai pada awal Disember tahun lalu dan serentak ini sudah menuai hasil sebanyak tiga kali.

"Tiga kali pusingan tuai hasil kami perolehi lebih 100kg dan dijangka lada bara ini boleh dituai sehingga Mei depan," ujarnya.

Bercerita lanjut, Mohd Noor Hisyam berkata, projek terhasil daripada perbincangan bekas ketua balai yang terdahulu dengan beberapa penyelia pasukan di sini.

Katanya, mereka bercadang untuk memanfaatkan kawasan perkarangan balai ini yang dahulunya kosong.

"Pemilihan tanaman lada memang tidak perlu banyak penjiagaan yang rapi, cuma kena beri perhatian kepada siraman dan baja mengikut jadual yang telah ditetapkan."



Anggota BBP Nenasi menunjukkan lada bara yang dituai dan telah masuk tiga kali pusingan setakat ini.

"Tambah pula perlaksanaannya tidak pula boleh mengganggu tugas anggota yang bertugas di sini, memandangkan hanya melibatkan satu atau dua orang sahaja dan selebihnya menjalani tugas harian seperti biasa," katanya.

Tambah beliau, semua keperluan projek fertigasi ini diuruskan oleh pihak perunding YP termasuk memberikan latihan kepada anggota manakala hasil-

nya juga dijual kepada pihak terbahit.

"Kami telah sepakat bahawa 80 peratus hasil jualan lada bara ini akan diagihkan kepada anggota, manakala bakinya akan disimpan untuk kegunaan balai."

"Daripada jumlah pokok yang ada telah dibahagikan kepada tiga pasukan yang ada di balai ini dan mereka perlu menjaga dan menguruskan bahagian masing-masing," katanya.



Anggota BBP Nenasi menuai hasil apabila lada bara yang ditanam di sekitar balai itu pada September tahun lalu.

'Abang bomba' teruja tuai hasil lada bara

PEKAN: Tidak hanya cekap ketika menyelamatkan mangsa sewaktu bencana tidak kira di darat mahupun air, malah 'abang bomba' kini sudah mula pandai bercucuk tanam.

Seramai 33 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Nenasi teruja mengusahakan tanaman lada di pekarangan balai dekat sini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Nenasi, Mohd. Noor Hisyam Kadri berkata, pembangunan projek tanaman lada secara fertigasi diusahakan secara berkumpulan sejak September lalu.

"Selari dengan saranan jabatan untuk menjadikan balai dalam taman, tanah seluas 0.024 hektar telah diusahakan melalui bantuan Unit Pemba-

ngunan Ekonomi, Yayasan Pahang (YP).

"Pada mulanya anggota nampak kurang berminat dengan cetusan tanaman lada ini tapi bila sudah ada hasil, mereka mula teruja.

"Minat mereka mula dilihat timbul secara semulajadi terutama apabila sampai masa hendak menuai, dengan sendirinya mereka sangat semangat," katanya ketika ditemui pemberita di Balai Bomba Nenasi, Jalan Pekan-Rompin, di sini semalam.

Terdapat kira-kira 1,000 pokok jenis lada bara ditanam di situ dan sudah dituai sebanyak tiga kali sejak Disember lalu.

Setakat ini, hasil tuaian tanaman lada itu berjaya dikutip sehingga mencecah hampir 100 kilogram.



ANGGOTA bomba menunjukkan hasil tuaian di kebun lada kecil jenis bara yang ditanam sejak September lalu di perkarangan Balai Bomba Nenasi di Pekan, Pahang. - UTUSAN/SHEIKH AHMAD RAZIF

Jenggo 'serang' Segamat, rezeki selepas monsun

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

SEGAMAT: Musim monsun atau tengkujuh yang baru berlalu sering dikaitkan dengan musibah banjir dan arus deras yang meresahkan penduduk terutama golongan nelayan.

Walaupun bagaimanapun, ada hikmah di sebalik berakhirnya fenomena alam itu apabila turut memberikan rezeki kepada nelayan darat di sekitar Sungai Segamat.

Udang galah atau lebih dikenali sebagai 'jenggo' oleh para pemikat sepih biru ini mula 'berkampung' di sungai sekitar daerah ini setiap kali berakhirnya musim tengkujuh.

Seorang nelayan, Rosdi Ismail, 59, mengakui terkejut dengan hasil tangkapan udang galah yang luar biasa.

"Saya amat terkejut ketika memukat udang baru-baru ini apabila berjaya menaikkan ratusan ekor udang galah. Saya dan rakan amat bersyukur pada musim ini pendapatan kami meningkat hampir empat kali ganda dan ini tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Selain itu, faktor cuaca dan keadaan air sungai, hasil tangkapan udang galah berganda kali ini juga bukti keberkesanan pelepasan ribuan benih anak udang galah ke dalam sungai-sungai di sekitar Segamat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Tengah, dekat sini.



MOHD. Faiz Ahmad menunjukkan hasil tangkapan udang galah bersaiz besar atau 'jenggo' di Sungai Muar, Segamat, Johor, baru-baru ini.

Rosdi berkata, pelepasan ribuan benih anak udang galah sebelum ini adalah hasil usaha agensi berkaitan bagi menambatkan bilangan hidupan marin itu di Sungai Segamat, Sungai Chodan, Sungai Pudu dan Sungai Batu Badak.

Dia yang telah lebih empat dekad bekerja sebagai nelayan pukut ambai di Sungai Segamat mengakui hasil yang diperolehi mampu mencecah 100 kilogram (kg) sehari.

Pemburu dan pemancing udang galah, Mohd. Faiz Ahmad, 34, sering turun bersama-

sama rakannya pada hujung minggu atau cuti umum.

"Di Sungai Segamat, saiz udang galah lebih besar kali ini dengan isinya lebih manis dan kenyal. Biasanya kunjungan ke Sungai Segamat tidak menghampakan, tidak pernah pulang dengan tangan kosong.

"Musim ini purata hasil tangkapan diraih memang luar biasa apabila mencecah antara empat hingga lapan kilogram," katanya sambil memberitahu air yang tenang dan jernih ialah keadaan yang sesuai mengail udang galah.


Rezeki kelapa

PEMBEKAL kelapa, Hamzah Mat Sandan, 56, mengopek buah kelapa di rumahnya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Temiang, Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu semalam.

Pekerjaan yang telah dilakukannya sejak 20 tahun lalu itu menjadi punca pendapatan utama Hamzah dengan tempahan diterima mencecah 500 biji sehari.

Menurut Hamzah, pelanggan utamanya terdiri daripada peniaga kedai runcit dan pasar awam yang menjual kelapa parut dan santan.

"Dijual pada harga RM2.20 sebiji, permintaan terhadap kelapa sangat baik dan pernah mencecah 1,000 biji sehari bergantung permintaan," katanya. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY



16/1/2023

UTUSAN

DALAM

9

MALAYSIA

NEGERI

Isu ayam, telur: Kerajaan perlu ada kuasa kawal industri secara total

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamajlia.com.my

PETALING JAYA: Langkah menurunkan harga siling ayam tidak membantu membaik pulih industri ternakan secara menyeluruh, sebaliknya bersifat sementara.

Malah, ia akan memberi kesan buruk kepada pemain industri ternakan peringat hiliran termasuk pemborong dan peruncit kecil-kecilan.

Sumber industri ternakan ayam yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, tindakan mengkaji dan menurunkan harga ayam hanya melibatkan sektor hiliran industri, namun tidak merungki masalah peringat hiliran ekoran kegagalan menubuhkan lembaga khusus untuk mengawal industri ayam dan telur secara menyeluruh.

Kata sumber, ini jelas dilihat

apabila kerajaan masih tiada mekanisme khusus untuk menyelia bekalan serta harga induk ayam *grand parent stock* (GPS), anak ayam *day old chick* (DOC), makanan ayam serta ubatan.

“Apa halatuju kerajaan sekiranya? Di pihak pengguna, kita cuma membeli apa ditawarkan pasaran. Tetapi isunya sekarang, kalau sebagai penjual di peringat runcit, mestilah mereka menyeru supaya harga ayam dan telur diapungkan. Tapi, adakah ini menyelesaikan masalah ayam dan telur?”

“Jika diturunkan harga ayam di peringat runcit juga, adakah ini menyelesaikan masalah, sedangkan harga ayam di pasaran sebenarnya ditentukan oleh dua faktor utama iaitu makanan ayam dan harga anak ayam DOC. Ini membabitkan pemain industri peringat huluhan, bukannya hiliran. Adakah kerajaan boleh

kawal bekalan dan harganya? Sudah tentu tidak.

“Soalnya, dengan menurunkan harga di peringat hiliran iaitu peringat runcit, tapi gagal menyelia dan mengawal dengan undang-undang yang lengkap dalam soal bekalan GPS, makanan serta DOC di peringat huluhan, isu ayam dan telur akan sentiasa berterusan,” kata sumber.

Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kerajaan sedia mengkaji semula harga siling ayam di peringat runcit ekoran bekalan dikatakan sudah pulih.

Sumber berkata, bukti jelas kerajaan gagal mengawal harga anak ayam DOC apabila harga bekalan itu turun naik secara drastik seolah-olah ditentukan kartel dan kerajaan tiada kuasa mengawalinya.

“Saya merujuk kepada laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bertajuk *Harga*

Daging Ayam 2020. Setakat ini, difahamkan laporan terkini DVS adalah pada 2020. Dalam laporan itu, jelas menunjukkan pada Mei 2020, harga anak ayam DOC cuma 80 sen seekor. Tapi pada Julai 2020, harganya melambung RM2.50 seekor.

“Soalnya, siapakah yang menentukan harga anak ayam tersebut? Bukan kerajaan, sebab harganya ditentukan oleh per satu ternakan. Buktinya? Boleh rujuk laman sesawang Kementerian Pertanian dan Keamanan Makanan (MAFS).

“MAFS mencatatkan nota bahawa harga ladang yang diperoleh bersumberkan daripada sebuah persatuan ternakan. Adakah kerajaan dikawal kartel, sampai harga peringat ladang pun ditentukan kartel dan bukannya kerajaan?” soalnya.

Utusan Malaysia difahamkan, kali terakhir MAFS meng-

maskini harga ayam dan anak ayam adalah 2020, dan laporan itu diakses di laman sesawang <http://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/2951>.

Sementara itu, satu sumber penternak wilayah tengah pula meluahkan bimbang terhadap kenyataan kerajaan untuk mengkaji semula harga siling ayam di peringat runcit.

“Sudahlah import ayam dibuka seluas-luasnya, sekarang import telur pula. Lagi membimbangkan apabila ada negeri berbeza mahu import telur dari negara lain pula selain India.

“Kami penternak ini, mahu berundur (gulung tikar) pun tidak boleh, mahu meluaskan operasi pun tidak mampu. Apabila kerajaan mengemukakan dasar sebagainya, lagilah parah. Industri jadi tak tentu hala sebab perniagaan telur dan ayam di peringat domestik terganggu,” kata sumber.

JOHOR

RM35.5mil to help state become nation's food basket

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

FOOD security will be a core focus of development in Johor this year to ensure that the state will be able to play its role as the nation's food basket.

Johor agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said the Finance Ministry had allocated RM35.5mil to the state to deploy some of the initiatives and programmes in line with this agenda.

"We want to not only become the nation's food basket, but also a food bank for our neighbouring countries.

"To achieve this, we will continue focusing on strengthening and developing the state's food security agenda through the allocation given by the Federal Government under the National Economic Recovery Plan (Penjana)," he said in a statement.

The allocation will be used to jump-start the agricultural and agrofood sectors, especially the industry players affected by the Covid-19 pandemic.

"This is also in line with our aim to improve the quality of produce in the state.

"The allocation is given to six agencies and departments in Johor," he said, adding that there were 25 development projects in line with the food security agenda.

Exco member says allocation to benefit over 3,600 agriculture industry players in Johor



Zahari (in front) feeding cows at a farm in Spang Loi, Segamat.

The six agencies are the Johor Agriculture Department (RM16.6mil), Johor Veterinarian Department (RM5.5mil), Johor Fisheries Department (RM2mil), Malaysian Pineapple Industry Board (RM9mil), Farmer's Organisation Authority (RM500,000) and Fisheries Development Authority of Malaysia (RM900,000).

"The details of the project have

been presented to Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi through the Johor Food Security Central Committee meeting on Dec 29 last year.

"The 25 projects are expected to benefit 3,677 agricultural industry players in the state," he said, adding that the state would continue to monitor their progress to ensure that they achieve their target.

Some of the planned projects are

mechanisation of agriculture tools, collaboration programmes between the industry and farmers, ruminant hub development, and a cow's milk development programme.

The projects also include the development of aquaculture industries, a mussel farming project, the expansion of an MD2 pineapple plantation, as well as a prawn and fish farming project.

SARAWAK

Prices of vegetables in Sibü still stable despite rainy spell

By **ANDY CHUA**
andychua@thestar.com.my

THE Chinese community in Sibü, Sarawak can heave a sigh of relief as despite the wet weather, prices of vegetables are relatively stable.

Sibü Vegetable Planters Association advisor Kong Hua Kuong said people could celebrate the lunar new year without worry-

ing over exorbitant vegetable prices.

Kong said it was true that the prices for all types of vegetables in Sibü had gone up slightly because of the current rainy season but the quantum was minimal; at about 50sen per bunch.

"This is because there are more people planting vegetables now than previously," he said.

For instance, he added, they were

paying RM7 per kg of vegetables to their suppliers and selling at between RM9 to RM10 per kg.

"The prices fluctuate by about 50sen depending on the weather.

"During good weather, with ample supply, vegetable prices will drop by 50sen," he said.

He added that vegetables such as angle gourd, ladies' fingers, long bean and cucumber were the ones

most affected by bad weather.

Kong is expecting restaurants to enjoy better business now that people can dine in during the Chinese New Year celebrations.

"Our business is also highly dependent on restaurants.

"If their business is good, it will also benefit us as restaurant operators buy vegetables from us," he added.

The broken egg story

Would it end? Maybe

MALAYSIA has an egg-ache every now and then that it seems to be struggling to get rid of. Mydin Supermarket operator Datuk Ameer Mydin, arguably the most vocal in the market, may just have the remedy for the government to get rid of the constant ache: "Remove approved permits (APs) for the import of eggs". He should know. He runs a chain of stores throughout the country. If evidence is needed for the wisdom of such a move, the lower prices of imported chicken parts post-AP is proof enough. If this is not enough, consider the prices of cabbage. They have gone south since the APs disappeared.

Strangely, we, who are loudest when complaining about cartels, somehow give AP holders' cartel-like behaviour a big pass. And the government, too, as its promise in May that it would remove APs in many sectors appears to have changed tack. It is common knowledge that a few with APs dictate when and at what price the eggs make their appearance. When prices are high, eggs appear from nowhere, a clear sign of cartels at work. Why make consumers pay the price for the abominable ways of such crony clubs?

Ameer said Malaysia should not focus on pricing, but on availability. One way is to lift the control prices while getting more Malaysians into the poultry business. Price control is not only discouraging new entrants into the industry, but also pushing some to exit it. Eggs are cheaper here than in Thailand or Singapore. It is why Singapore imports Malaysian eggs.

There will never be an efficient market if distortions caused by cartels are allowed to continue.

The 45 sen we pay for Grade A eggs isn't the real cost. For every Grade A egg sold in the market, there is a hidden government subsidy of 10 sen. In November, this newspaper quoted the government as spending more than RM20 million a month on egg subsidies.

Focusing on pricing would not only create a subsidy mentality among consumers, but also a big hole in government coffers.

Ameer is right, but first the government must send the cartels the way of the dinosaurs. There will never be an efficient market if distortions caused by cartels are allowed to continue. The way of the dinosaurs may be a bit ambitious, but somewhere there is where the Malaysia Competition Commission (MyCC) is trying to send them to if this newspaper's conversation with its chief executive officer, Iskandar Ismail, is anything to go by. On Aug 5, MyCC, in its media statement, said five feed millers had engaged in anti-competitive practices from 2020 to last year. More will be known after the end of the month, when the companies make their representation. Iskandar called cartel agreements "the supreme evil of competition". He may have been referring to more than five feed millers. Poultry breeders, the big ones at least, are known for culling chicks, when the prices are not right. Such cruelty mustn't be condoned. "Supreme evil" is hard talk no doubt, but MyCC needs a hard walk, too. The hard walk is on the way, said Iskandar. Laws are being amended to give MyCC the bite it needs. Money and manpower, too, are heading its way. We hope these two "m's" are for more market surveillance, a must if MyCC wants to be a robust anti-competition body. And for more investigations independent of complaints, a rare habit of Malaysian enforcers.